

MAHATHIR - THATCHER R'R'R'  
(I)

1982

KUALA LUMPUR, 4 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU TERPAKSA MENOLAK PERMINTAAN PERDANA MENTERI BRITISH PUAN MARGARET THATCHER UNTUK MENEMUINYA DI LONDON KERANA KESUNTUKAN WAKTU.

+SAYA HARAP DAPAT MENJELASKAN BAHAWA SAYA TIDAK DENGAN SENGHAJA UNTUK BERKASAR DENGAN PUAN THATCHER... JIKA MASA ITU SESUAI SUDAH PASTI SAYA AKAN MENGHADIRI JAMUAN TENGAHARI DENGANNYA,+ JELAS BELIAU SEKEMBALINYA DARI LONDON SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKAN SEJAWATNYA DI BRITAIN TELAH MENGATURKAN JAMUAN TENGAHARI PADA 1 OKT. TETAPI BELIAU HANYA SAMPAI DI LONDON WAKTU MALAM HARI TERSEBUT.

SELAIN DARI ITU, KATANYA, PUAN THATCHER JUGA TIDAK DAPAT MENENTUKAN TARIKH PERTEMUAN ITU KE HARI LAIN KERANA BELIAU TERLALU SIBUK MENYEDIAKAN PERSIDANGAN TAHUNAN PARTI CONSERVATIVE DI-BLACKPOOL DAN BELIAU JUGA BARU PULANG DARI LAWATAN KE TIMUR JAUH.

+HANYA 1 OKT. SAHAJA TARIKH YANG SESUAI UNTUKNYA,+ JELAS DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM USAHANYA UNTUK MEMBETULKAN SPEKULASI BAHAWA KEENGGANNYA UNTUK MENEMUI PUAN THATCHER BERTUJUAN UNTUK MEMPERKECILKAN BRITAIN KERANA HUBUNGAN YANG RENGANG DENGAN NEGARA ITU BARU-BARU INI. -- LAGI 2109/MK

B676

MAHATHIR - THATCHER 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ROMBONGANNYA SINGGAH BERKALAM DI IBU NEGARA BRITAIN SELEPAS MENYAMPAIKAN UCAPAN SULUNGNYA DI BANGSA-BANGSA BERSATU.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA BELIAU SINGGAH DI LONDON HANYA UNTUK BERIHAT SEBELUM MENERUSKAN PERJALANAN PULANG KE TANAH AIR.

-- BERNAMA 2110/MK